

10/05/2002

Petronas pilih syarikat terbaik dirikan loji di PPIC

PETRONAS akan terus mengembangkan Kompleks Industri Petroleum Petronas (PPIC) di Kertih dengan menarik lebih banyak syarikat terbaik dalam industri berasaskan petroleum mendirikan loji mereka di kompleks berkenaan.

Pengerusinya, Tan Sri Azizan Zainul Abidin berkata, masih wujud beberapa perancangan yang masih perlu dilaksanakan bagi pembangunan seterusnya di kompleks berkenaan.

Bagi tujuan itu, Petronas akan mengenal pasti syarikat terbaik dan meyakinkan mereka melabur dengan mendirikan loji di PPIC," katanya pada sidang akhbar selepas majlis perasmian kompleks bersepadu itu di Kertih, semalam.

Perasmiannya disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. PPIC yang dibangunkan di tapak seluas 4,000 hektar ketika ini mempunyai 41 kemudahan dan loji sokongan.

Ia termasuk sebuah kemudahan penapisan minyak, enam loji pemprosesan gas, 11 loji petrokimia berasaskan gas, lima kemudahan sampingan, enam kemudahan sokongan utama dan 11 kemudahan am lain bagi menyediakan kemudahan kepada kompleks itu.

Sementara itu, rakan kongsi Petronas yang melabur di kompleks bersepadu itu, menyifatkan PPIC bukan saja mempunyai prasarana bertaraf dunia, tetapi turut menyediakan syarikat yang beroperasi di situ laluan mudah kepada pasaran sasaran.

Pengarah Petlin (M) Sdn Bhd, Trevor Munday, berkata kompleks bertaraf dunia itu menawarkan pelabur kemudahan prasarana dan perkhidmatan terbaik.

Beliau berkata, antara lain, landasan keretapi khusus yang menyambungkan kompleks itu dengan Pelabuhan Kuantan menyediakan laluan yang selamat pada kos yang berdaya saing bagi syarikat memasarkan keluaran mereka kepada pelanggan sasaran di rantau ini.

"Kelebihan daya saingnya, membolehkan perniagaan yang beroperasi di sini memperoleh manfaat daripada kedudukan Malaysia yang begitu hampir dengan pasaran yang sedang berkembang pesat di Asia Pasifik termasuk China, benua kecil India dan Australasia dan pasaran baru muncul di Afrika," katanya ketika berucap bagi mewakili pelabur di PPIC pada majlis perasmian berkenaan.

Munday berkata, pelabur asing yang melabur di PPIC bersama dengan Petronas setakat ini sudah melabur sejumlah kira-kira RM39.7 bilion dalam bidang petrokimia di kompleks berkenaan.

Petlin adalah usaha sama antara Petronas yang memegang 40 peratus ekuitinya, Polifin (40 peratus) dan DSM (20 peratus).

Syarikat antarabangsa lain yang melabur di PPIC ialah DSM, Polifin, Exxonmobil, Dow Chemical, BASF, BP-Amoco, Mitsui, Mitsubishi, Idemitsu dan Sasol.

(END)